

## **Titah Ucapan**

**D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Di Istiadat Ulangan Penghulu-Penghulu Luak  
Mengadap D.Y.M.M Yang di-Pertuan Besar Negeri  
Sembilan**

**Ahad, 17 November 2019**

**10.00 Pagi**

**Istana Besar Seri Menanti**

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

1. Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Istiadat Ulangan Penghulu-Penghulu Luak Mengadap pada pagi ini. Beta turut menzahirkan rasa syukur kerana Istiadat Menurunkan dan Memasang Alat Kebesaran serta Istiadat Bersiram telah berjalan dengan lancar.

2. Istiadat Ulangan Penghulu-Penghulu Luak Mengadap mencerminkan taat setia rakyat dan kedaulatan Raja sebagai payung pemerintahan. Penghulu-Penghulu Luak yang bernaung di bawah

payung Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan melaksanakan istiadat ini menepati perbilangan adat, **Alam Berajo Luak Berpenghulu**. Melalui ikrar dan lafaz taat setia yang telah disembah sebentar tadi, Beta yakin, pembesar-pembesar Beta akan terus melaksanakan tanggungjawab di luak masing-masing dengan penuh jujur dan amanah.

3. Beta menyambut baik cadangan daripada Luak Tanah Mengandung agar peraturan dan syarat penggunaan tanah adat dikaji semula. Kajian bertujuan membuka ruang pembangunan ekonomi di atas tanah adat dan seterusnya menjana pendapatan kepada pemegang harta dan suku masing-masing. Oleh itu, Kerajaan Beta telah membentuk jawatankuasa khas yang

sedang mengkaji semula beberapa peraturan dan kaedah dalam Enakmen Tanah Adat Lingkungan 1960. Diharapkan agar cadangan dan syor jawatankuasa ini membolehkan pengurusan tanah adat selari dengan kehendak semasa tanpa keluar daripada batas prinsip Adat Perpatih.

4. Akhir-akhir ini, masyarakat sering didedahkan dengan masalah gejala sosial. Berita-berita mengenai penyalahgunaan dadah, jenayah rasuah, penipuan, salah guna kuasa dan lain-lain seringkali dihebahkan melalui media cetak dan media elektronik. Statistik menunjukkan kebanyakan perbuatan jenayah ini dilakukan oleh rakyat berbangsa Melayu. Kita semua harus menyedari hakikat ini dan perlu mengambil tindakan segera untuk

memastikan generasi akan datang menjadi generasi yang mulia akhlak dan tinggi budi perkertinya. Sebagai negeri beradat, Adat Perpatih merupakan tonggak kepada keutuhan Negeri Sembilan dan pembentukan masyarakat yang harmoni sejak turun-temurun. Di samping pendidikan awal di rumah dan di sekolah, konsep dan prinsip dalam adat perpatih juga boleh diterapkan terhadap generasi muda agar mereka dapat mengamalkan nilai-nilai murni adat perpatih dalam kehidupan seharian. Beta yakin ia akan membantu usaha yang dibuat untuk membentuk peribadi dan akhlak generasi muda.

5. Kita juga perlu terus memberi galakan kepada generasi muda untuk mengenali keindahan adat yang kita

warisi agar menarik minat mereka untuk terlibat aktif dalam kehidupan beradat Negeri Sembilan. Di samping generasi muda, melalui pelaksanaan adat istiadat seperti ini, rakyat pelbagai kaum dan latar belakang akan lebih mudah mendekati serta memahami amalan tradisi masyarakat majmuk di Malaysia dan secara tidak langsung ia akan menyatupadukan masyarakat.

6. Mengakhiri titah, Beta menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, para Penyandang Pusaka Adat, warga Perkhidmatan Awam dan Pasukan-Pasukan Keselamatan, atas sumbangan menjayakan Istiadat Ulangan Penghulu-Penghulu Luak Mengadap pada kali ini. Beta berdoa

semoga kita semua serta Negeri Sembilan Darul Khusus yang kita kasihi akan sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan limpah rahmat dan dalam pemeliharaan Allah SWT jua.

Sekian.

*Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.*